

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penggubalan dan penambahbaikan Rang Undang-Undang Penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan langkah tambahan Kerajaan untuk meningkatkan soal kebajikan dan hak anggota polis dan keluarga mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan sedang meneliti dan memperhalusi draf rang undang-undang baharu bagi menggantikan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Rang undang-undang baharu ini akan dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama setelah mendapat persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa meneliti dan membuat kajian secara berterusan untuk menambahbaik skim perkhidmatan, elaun-elaun serta kemudahan lain untuk membantu anggota-anggota PDRM terutama yang berpangkat rendah dalam menangani kos sara hidup yang kian meningkat.

Antara tindakan yang telah diambil bagi tujuan menjaga kebajikan dan mengurangkan bebanan anggota PDRM adalah seperti berikut:

- i) Bagi memberikan keselesaan dan mengurangkan kos sewa rumah yang tinggi terutama di bandar-bandar besar, PDRM telah diberikan peruntukan sebanyak RM21,824 juta di bawah objek sebagai (OS) 32000 untuk menyelenggara kuarters kediaman dan pembaikan pejabat dan kemudahan lain. Selain itu, terdapat 27 projek pembangunan baharu dan sambungan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang sedang dilaksanakan di mana semua projek ini kelak akan menyediakan prasarana dan infrastruktur yang kondusif kepada anggota dan keluarga. Bagi tahun 2019, PDRM telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk pembaikan kuarters dan RM100 juta lagi untuk kerja-kerja pembaikan dan penggantian lif PDRM di seluruh Malaysia. Kerja-kerja pembaikan ini melibatkan pembaikan 10,040 unit kuarters dan penggantian 201 buah lif;
- ii) Bagi memastikan kesihatan anggota, PDRM telah mendirikan Pusat Saringan Kesihatan (PSK) sebagai projek perintis di Bukit Aman bagi anggota mendapatkan rawatan awal atau merawat penyakit yang

NO.SOALAN : 54

bukan kronik. Projek ini dilaksanakan bertujuan bagi mengurangkan kos perubatan kepada anggota selain dari kemudahan rawatan percuma yang diterima di hospital Kerajaan. Antara pemeriksaan yang dijalankan di PSK adalah pemeriksaan berat badan, tekanan darah, kandungan gula dalam darah, *pap smear* dan konsultasi doktor. Sebagai rekod, pada tahun 2017, seramai 4,269 warga kerja PDRM telah melakukan pemeriksaan di pusat ini. Bagi tahun ini sehingga 31 Ogos 2018, seramai 1,593 warga kerja PDRM telah mendapat manfaat dari kewujudan pusat ini. Langkah ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada klinik swasta untuk mendapatkan rawatan dan inisiatif ini akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk diperluaskan ke seluruh negara di masa hadapan;

- iii) Selain PSK, PDRM turut menyediakan pusat hemodialisis kepada anggota PDRM yang menghidap sakit buah pinggang. Sehingga kini terdapat 19 buah pusat telah didirikan di seluruh negara dan rawatan yang diberikan adalah secara percuma;
- iv) PDRM juga mengambil maklum dengan bebanan kewangan yang dihadapi oleh anggota PDRM. Justeru, PDRM menyediakan TASKA di tempat kerja dan di kompleks perumahan PDRM bagi mengurangkan kos penjagaan anak-anak. Di samping itu juga, rumah transit turut disediakan untuk keluarga yang mengiringi pesakit di hospital;
- v) PDRM turut menyediakan bantuan kepada anak-anak yatim, anak kurang upaya (OKU), bantuan pelajaran, hadiah perkahwinan dan bantuan khairat kematian melalui tabung kebajikan PDRM dan tabung-tabung lain yang ada dalam PDRM; dan
- vi) Menyediakan secara percuma pengangkutan pergi dan balik ke sekolah untuk anak-anak pegawai dan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan mengambil kira bahawa semua pegawai dan anggota PGA tinggal di dalam kem dan tempoh penugasan PGA yang lama di perbatasan.